



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 4, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya  
Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 33/2013 (11 hingga 17 Ogos 2013)**

**‘Peningkatan Kes dan Kematian akibat Denggi’**

Kes denggi yang dilaporkan terus menunjukkan tren peningkatan secara berterusan sejak 13 minggu lepas. Pada minggu lepas sebanyak 690 kes Denggi telah dilaporkan dan jumlah ini telah melebihi tahap kawalan yang ditetapkan iaitu 680 kes seminggu. Dari Januari sehingga kini, jumlah kumulatif kes denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 17,275 kes, meningkat sebanyak 21% atau 3,031 kes berbanding 14,244 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 (Lampiran A). Negeri-negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding tempoh yang sama tahun 2012 adalah Johor meningkat 120% (1284 kes), Sarawak 43% (272 kes), Sabah 32% (102 kes), Negeri Sembilan 28% (88 kes), Selangor 24% (1519 kes), Perlis 17% (22 kes), Kelantan 11% (82 kes), Perak 9% (95 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya 5% (65 kes).

Pada minggu lepas, sejumlah 133 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 9 lokaliti *hot spots* dikenalpasti. Semua lokaliti hotspot yang dilaporkan ini berlaku di daerah Petaling di negeri Selangor dan sehingga kini kumulatif kes yang dilaporkan adalah 160 kes (Lampiran B). Lima (5) atau 56% daripada 9 lokaliti *hot spots* ini masih

mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya empat (4) atau 44% daripada lokaliti-lokaliti hotspot ini ada menjalankan aktiviti gotong-royong. Semua agensi-agensi dan anggota masyarakat di lokaliti-lokaliti ini perlulah berusaha dan bekerjasama sepenuhnya bagi membentaras denggi hingga ke akar umbinya dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di lokaliti tersebut. Usaha yang berterusan dalam membentaras denggi ini akan membendung penularan jangkitan demam denggi dikalangan masyarakat daripada terus meningkat.

Aktiviti penguatkuasaan “Ops Gempur Aedes” siri 2/2013 telah dilaksanakan diseluruh negara pada 20 Ogos 2013, sehubungan itu sebanyak 18,732 premis telah diperiksa dengan 214 premis didapati mempunyai pembiakan Aedes, sehubungan itu sejumlah 137 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis dengan jumlah nilai keseluruhan RM 68,500. Sejumlah 143 notis arahan pembersihan premis telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik premis yang didapati keadaan persekitarannya berpotensi untuk membiak Aedes di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Pada minggu ke 33 juga terdapat satu kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat Denggi sehingga kini 34 kematian meningkat sebanyak 8 kematian (31%), berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kes kematian melibatkan seorang lelaki berusia 22 tahun, bekerja sebagai jurujual dan berasal dari Petaling Jaya, Selangor. Pesakit mula mengalami demam, batuk dan sakit badan pada 06/08/2013 dan mendapatkan tiga kali rawatan di hospital dan didiagnosa sebagai Demam Denggi sebelum dimasukkan ke wad dimasukkan ke wad. Pesakit kemudiannya dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) setelah keadaan pesakit

bertambah tenat. Pesakit walau bagaimanapun meninggal dunia setelah satu (1) hari dirawat dengan sebab kematian “Dengue Shock Syndrome”. Kawasan kediaman pesakit merupakan kawasan lokaliti wabak dan pemeriksaan pembiakan aedes (PPA) mendapati nilai Aedes Indeks yang adalah tinggi iaitu 23.5%. Hasil pemeriksaan Pejabat kesihatan telah menjumpai pembiakan Aedes di sekitar kawasan tempat tinggal pesakit seperti di lorong belakang rumah, bahu jalan dan kawasan sekitar, antara tempat pembiakan Aedes yang ditemui ialah di dalam bekas-bekas seperti seperti tayar, tong, baldi dan tangki air.

KKM menggesa masyarakat umumnya supaya peningkatan kes dan kematian denggi diseluruh negara ini dipandang serius dan masyarakat perlu mengambil tindakan pencegahan segera melalui penghapusan tempat-tempat pembiakan *Aedes* dikawasan masing-masing. Operasi “ Ops Gempur Aedes” akan diteruskan oleh KKM bagi memastikan peningkatan kes dan kematian denggi dapat dibendung. **“Membanteras Denggi Adalah Tanggungjawab Semua”**.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

**20 Ogos 2013**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 33/2013  
(11 hingga 17 Ogos 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 33/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 33/2012
		Minggu 33 (11 – 17 Ogos 2013)	Minggu 32 (4 – 10 Ogos 2013)		
1	Perlis	2	0	150 (1)	128
2	Kedah	16	17	540 (1)	563 (3)
3	P. Pinang	18	7	457 (2)	545 (1)
4	Perak	25	19	1,122	1,027 (4)
5	Selangor	365 (1)	297	7,811 (10)	6,292 (11)
6	WPKL & Putrajaya	55	49	1,363 (6)	1,298 (3)
7	N. Sembilan	25	6	395	307 (1)
8	Melaka	18	9	339 (1)	345
9	Johor	87	71 (1)	2,354 (9)	1,070 (1)
10	Pahang	10	9	354	429 (1)
11	Terengganu	22	9	214	519
12	Kelantan	19	17	839 (1)	757
13	Sarawak	22	10	912 (2)	640
14	Sabah	6	11	418 (1)	316 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	8
	Jumlah	690 (1)	531 (1)	17,275 (34)	14,244 (26)

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN  
PADA MINGGU 33 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	12	39	1.6%
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	10	41	3.6%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	16	34	1.0%
4	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	68	62	2.8%
5	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	24	62	0.4%
6	Selangor	Petaling	PJU 1A Apartment Sri Ara	7	36	1.8%
7	Selangor	Petaling	PJU 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	14	33	1.1%
8	Selangor	Petaling	Taman Bukit Kinrara 1 ( Pangsapuri Melor)	4	31	0%
9	Selangor	Petaling	Taman Serdang Jaya ( Bosnia )	5	34	0%